

PENGHARGAAN



Dengan Nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.

Segala puji bagi Allah *'Azza wa Jalla* Tuhan semesta alam, selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW, keluarga baginda serta para sahabatnya r.a. Sesungguhnya kesyukuran yang tidak terhingga dirafa'kan kepada Allah SWT kerana dengan taufik dan hidayahNya, penulis berjaya menyempurnakan disertasi ini dengan sempurna.

Di kesempatan ini, setinggi-tinggi penghargaan ditujukan kepada Yg. Bhg. Prof. Madya Dr. Ab Mumin b. Ab Ghani di atas kesudian menyelia disertasi ini. Beliau telah meluangkan masanya yang sangat berharga kepada penulis dengan memberikan tunjuk ajar, pandangan, teguran dan bimbingan yang berterusan sehingga disertasi ini berjaya disempurnakan. Tidak lupa juga buat semua pensyarah Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya terutamanya di Jabatan Syariah dan Pengurusan yang telah mendidik dengan mutiara ilmu yang tidak ternilai harganya.

Ucapan terima kasih tidak terhingga buat pihak Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) atas kerjasama dan bantuan yang telah diberikan terutamanya Encik Mohd Roslan b. Mamat selaku Ketua Unit Audit Syariah, Jabatan Audit Dalaman BIMB, kerana sudi meluangkan masa memberikan maklumat tentang operasi syarikat. Begitu juga kepada Encik David Leong Sze Khiong selaku Ketua Jabatan Audit Dalaman BIMB, Ustaz Mohd Nazri Chik sebagai Pengurus Besar Jabatan Syariah BIMB dan Ustaz Abdul Rahman A. Shukor selaku Pen. Timbalan Presiden, Jabatan Syariah, Kumpulan Bahagian Perbankan Islam, CIMB Investment Bank Berhad yang memberikan

bantuan, pandangan dan menyumbangkan buah fikiran idea-idea untuk memperkembangkan lagi tulisan ini.

Jambangan infiniti cinta ditujukan kepada ayahanda tercinta, Hj. Wan Draman b. Wan Ali yang telah melaksanakan tanggungjawabnya sepenuhnya dalam mendidik penulis ke arah mengenali Allah SWT dan menyemai 'rasa beragama' dalam kehidupan. Semoga baktimu, Allah jualah yang membalasnya. Tidak lupa juga teristimewa buat bonda tersayang, Hjh. Latifah bt. Mohamed yang tidak jemu-jemu memberikan semangat dan mendokong perjalanan ilmu penulis. Inilah hadiah buat kalian berdua wahai ayahanda dan bonda. Juga buat adik-adik tersayang terima kasih atas sokongan dan kasih sayang kalian. Dan seluruh ahli keluarga khususnya warga Yayasan Che Thom (YCT) yang telah banyak memberikan dorongan dan bantuan demi kejayaan penulis. Semoga Allah SWT membalas jasa kalian.

Jambangan infiniti cinta dan sekalung penghargaan yang tidak terhingga juga kepada isteri tercinta Wan Nurdiyana Wan Mat yang sentiasa bersabar dan memberigalakan serta dorongan sehingga penulis dapat menyiapkan disertasi ini. Sekalung kasih dirakam juga buat anak tersayang Wan Nur Shofiyyah. Begitu juga penghargaan dikalungkan kepada mertua Wan Mat b. Wan Ab Lah dan Rahni bt. Abdullah serta ahli keluarga yang sentiasa mendoakan kejayaan penulis.

Jutaan terima kasih juga ditujukan kepada Yg. Bhg. Prof. Tan Sri Dato' Wira Dr. Mohd Shukri Ab Yajid, barisan pengurusan Management and Science University (MSU), rakan sejawat, semua pensyarah dan warga kerja MSU dan Kolej PTPL Shah Alam, serta semua individu yang telah memberi peluang dan kerjasama kepada penulis untuk menyambung pelajaran ke peringkat sarjana. Sesungguhnya sumbangan mereka tidak dapat penulis membalasnya dan hanya Allah SWT jua yang melimpahkan rahmatNya buat mereka semua.

Selain itu ucapan yang sama ditujukan kepada pihak Perpustakaan Utama Universiti Malaya, Perpustakaan Akademi Pengajian Islam, dan Perpustakaan Kolej PTPL dan Perpustakaan MSU atas kerjasama yang diberikan sewaktu penulis mengumpulkan data-data dan bahan-bahan untuk menghasilkan penyelidikan ini.

Akhirnya, penulis memohon jutaan kemaafan di atas kesilapan dan ketidaksempurnaan yang terdapat di dalam disertasi ini. Semoga penulisan ini dapat memberikan maklumat yang bermanfaat dan sumbangan kepada masyarakat Islam untuk memartabatkan lagi persada kewangan Islam khususnya di bumi bertuah, Malaysia yang tercinta.

Sekian, Wassalam.

Wan Mohd Ashraf Adlin Wan Draman

Islamic & Cultural Centre
Management & Science University
University Drive,
Off Persiaran Olahraga, Seksyen 13
40100, Shah Alam
Selangor.
T : 03-55216868
E : alkalantani@hotmail.com

Jabatan Syariah dan Pengurusan
Akademi Pengajian Islam
Universiti Malaya
Kuala Lumpur.

7 Ramadhan 1435H / 5 Julai 2014